

**PROSEDUR OPERASI STANDARD BAGI  
PERMOHONAN PENGAMAL PERUBATAN  
TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI  
WARGA ASING DALAM TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
BERSYARAT**



**BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**2020**

## 1. TUJUAN

Dokumen ini menetapkan prosedur operasi standard bagi permohonan baru dan permohonan lanjutan pengamal perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) warga asing untuk mendapatkan surat maklum balas tiada halangan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang bermula pada 14 Oktober 2020 sehingga 27 Oktober 2020. Perkara ini bertujuan untuk memastikan penularan wabak Covid-19 dapat dibendung dengan mengamalkan penjarakan sosial (social distancing), pergerakan yang dihadkan dan mengurangkan interaksi dengan individu yang terlibat. Semua permohonan juga adalah tertakluk kepada keperluan *Guidelines for the Entry Of Expatriate / Skilled Worker / Knowledge Worker for Key Posts and Technical Posts, and for Dependents / Foreign Maids* yang dikeluarkan oleh Bahagian Khidmat Ekspatriat, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

## 2. SKOP

Dokumen ini terpakai kepada pihak syarikat yang membuat permohonan Surat Maklum Balas Permohonan Pengamal PT&K Warga Asing dan kakitangan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari.

## 3. AKTA YANG BERKAITAN

- 3.1 Akta Pencegahan dan Pengamal Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]
- 3.2 Akta PT&K 2016 [Akta 775]
- 3.3 Garis Panduan Permohonanan Pengamal PT&K Warga Asing

## 4. TATACARA PERMOHONAN

### 4.1 TATACARA PENYERAHAN PERMOHONAN

- a) Syarikat perlu memenuhi syarat-syarat permohonan seperti yang dijelaskan dalam Garis Panduan Permohonan Pengamal PT&K Warga Asing.
- b) Permohonan harus dihantar **melalui pos** kepada Pejabat BPTK (alamat seperti di muka surat 3) dengan dokumen-dokumen lengkap seperti yang dinyatakan dalam Senarai Semak Permohonan Pengamal PT&K Warga Asing.
- c) Sekiranya wakil syarikat / pemohon ingin mendapatkan penjelasan lanjut atau mempunyai pertanyaan susulan, adalah dipohon untuk mengajukan sebarang pertanyaan melalui telefon (waktu pejabat sehingga jam 5.00 petang) atau e-mel (no. telefon dan e-mel adalah seperti di muka surat 3).
- d) Semua permohonan akan diproses seperti yang dijelaskan dalam Garis Panduan Permohonan Pengamal PT&K Warga Asing.

## 4.2 TATACARA PENYERAHAN KEPUTUSAN PERMOHONAN

Semua keputusan permohonan akan dihantar melalui pos atau emel dan pihak syarikat tidak dibenarkan untuk mengambil keputusan permohonan dari Pejabat BPTK.

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Unit Pendaftaran dan Perakuan

Cawangan Majlis PT&K

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras Bawah, Blok D, Jalan Cenderasari

50590 Kuala Lumpur

Tel : +603-2279 8100 (Ext: 488/484)

Faks : +603-2691 1259

E-mel : [tcm@moh.gov.my](mailto:tcm@moh.gov.my)

Laman web : <http:tcm.moh.gov.my>